

# BKMS serah hal jadi anggota JPS kpd 3 guru

28 JAN 1975

Oleh GUNTOR SADALI

**B**ADAN Kesenian Melayu Singapura (BKMS) belum dapat memutuskan samada hendak menganggotai Jawatankuasa Penasihat Silat yang dibentuk oleh Majlis Sukan Singapura ataupun tidak.

Mesyuarat agung kesembilan badan itu yang berlangsung di Dewan Al Malik Faisal kemarin bersetuju untuk memberi kuasa kepada tiga orang guru silat badan itu untuk meneliti soal itu sebelum sesuatu keputusan diambil.

Tiga orang guru silat badan itu ialah Encik Mawi Kadir, Encik Basri Alang dan Encik Hamin Bujang.

BKMS sebelum ini telahpun mendaftarkan tiga jenis silatnya — Silat Harimau, Silat Kuningan dan Silat Kuntau Melaka — kepada pihak berkuasa.

## Tak diundang 28 JAN 1975

Ketiga-tiga jenis silat itu mempunyai 118 orang ahli yang berdaftar.

Keputusan pendaftaran itu belum

diketahui lagi, bagaimanapun tiga orang guru silat BKMS akan menghadiri interviu berkaitan dengan pendaftaran tersebut pada 31 Januari ini.

Setiausaha Agung BKMS, Encik Jaafar Yaakub berkata, BKMS tidak menganggotai Jawatankuasa Penasihat itu kerana ketika pembentukannya dulu, ia telah tidak diundang.

### Bersetuju

Dalam perbincangan semalam, beberapa orang ahli telah mencadangkan supaya BKMS menganggotai Jawatankuasa tersebut.

Bagaimanapun diakhir perbincangan mereka bersetuju untuk menyerahkan soal itu kepada guru-guru silat untuk memutuskannya.

Setakat ini badan-badan yang menganggotai jawatankuasa Majlis Sukan itu ialah Persatuan Pencak Silat Singapura (Perpensis), Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian

(Pasak), Persatuan Rakyat dan Majlis Sukan sendiri.

Mesyuarat kelmarin telah menerima empat usul lain yang dibentangkan. Usul-usul itu ialah mengadakan Pesta Silat, pementasan drama, tari dan silat, Pesta Tari untuk murid-murid sekolah menengah dan menaikkan yuran tahunan dari \$1 kepada \$2.

### Berturut2

Encik Jaafar Yaakub telah dipilih menjadi Setiausaha badan itu bagi tahun 1975/76 walaupun dia merayu supaya jawatan itu diberikan kepada orang lain.

Ini adalah tahun kelapan berturut-turut jawatan itu

dipegang oleh Encik Jaafar.

Susunan pegawai-pegawai baru BKMS untuk 1975/76 ialah seperti berikut:

Yang di Pertua, Encik Hussain Ismail; Naib Yang di Pertua, Encik Asmuni Sulaiman; Setiausaha Agung, Encik Jaafar Yaakub; Penolong Setiausaha Agung, Encik A. Rahman Kassim dan Bendahari ialah Encik Muhammad Latiff.

Ahli-ahli jawatankuasa terdiri dari: Cik Sarah Mahmud, Encik Mawi Kadir, Basri Alang, Hamdan Bani, Hamir, Bujang, Ibrahim Yusof dan Jaili Madon.

Pemeriksa kira-kira ialah Rashidah Abdullah dan Amir Mohd. Noor.

Mesyuarat agung kesembilan BKMS itu sepatutnya berlangsung pada pertengahan tahun, tetapi telah dicepatkan atas permintaan Pendaftaran Persatuan-Persatuan.